

JIKA benar gadis-gadis ini menawarkan khidmat urutan semata-mata, persoalannya apakah keperluan mereka mengenakan pakaian terlalu seksi.



INTERNET menjadi salah satu medium paling popular untuk memasarkan tukang urut seksi dari pelbagai negara.

cosmo 9/4/12 MS 30

Khidmat istimewa B to B

Mengeksploitasi urutan sebagai lesen untuk mengaburi mata pihak berkuasa, hakikatnya banyak rumah urut di ibu kota menawarkan khidmat seks demi mengaut keuntungan besar.

Oleh BASIR ABU BAKAR
basir.abubakar@kosmo.com.my

TAWARAN pendapatan yang lumayan sehingga mencecah RM10,000 sebulan membuatkan ramai gadis urut semakin 'berahi' menjadikan kawasan sekitar Lembah Klang sebagai lubang emas buat mereka terus mencari sumber pendapatan lumayan.

Hakikat itu jugalah di kota metropolitan hari ini, rumah-rumah urut tumbuh bak cendawan selepas hujan. Bahkan, tidak dapat kita nafikan kebanyakan rumah urut itu menyediakan pelbagai perkhidmatan urutan.

Jika dahulu di kampung-kampung, tukang urut terdiri daripada warga emas yang mempunyai pengalaman berbelas tahun mengurut tradisional tetapi, rumah-rumah urut di ibu kota pengurunya terdiri daripada gadis-gadis cantik berpakaian seksi, bermulut manis dan berkulit halus dari dalam dan luar negara.

Lebih istimewa lagi selain urutan biasa, tukang urut berkulit mulus itu juga bersedia dibawa ke ranjang jika kena dengan upahnya.

Seorang gadis tukang urut yang hanya mahu dikenali sebagai Fila, 26,

KHIDMAT urutan yang diberikan hanyalah urutan suka-suka untuk keseronokan pelanggan.



HASIL tinjauan wartawan *Urban* mendapati gadis tukang urut juga berani berkeliaran di sekitar premis untuk memujuk pelanggan.

berkata, kerja sebagai tukang urut itu membolehkan dia mendapat gaji tiga hingga empat kali ganda lebih tinggi berbanding bekerja di kilang.

Katanya, pada hari-hari puncak terutamanya hujung minggu dia mampu mendapat upah sampingan yang diberikan pelanggan untuk layanan istimewa sehingga mencecah RM300 sehari.

Bertopeng pusat refleksologi

Jumlah tersebut tidak termasuk gaji harian yang diterima daripada pemilik pusat urut tempat dia bekerja.

"Gaji sebulan saya mampu mencecah RM3,000, itu pun jika bulan tersebut saya menerima banyak permintaan daripada pelanggan untuk mengurut.

"Untuk dapat duit lebih biasanya saya akan tawar khidmat urut batin. Setiap khidmat tersebut ada bayaran

khas dikenakan kepada pelanggan," ceritanya lagi.

Lebih menarik kebanyakan gadis-gadis urut berahi tidak segan silu menawarkan khidmat melepaskan gandingan golongan lelaki kemaruk seks dengan memberi urutan B to B atau *body to body*. Ia sejenis urutan menggunakan badan tanpa pakaian kepada pelanggan yang berminat.

Menurut Fila yang ditemui di Pandan Jaya, Kuala Lumpur lagi:

"Tidak semua pelanggan yang datang ke pusat urut ini berminat dengan khidmat istimewa yang ditawarkan. Ada juga pelanggan yang datang ke sini mahu mendapatkan urutan sebenar untuk melegakan sakit badan ekoran penat bekerja.

"Selain itu juga, tidak semua gadis di sini dengan mudah menawarkan khidmat urutan berahi istimewa. Setiap gadis urut di sini ada kelebihan masing-masing dan tawaran yang





WALAUPUN pihak berkuasa sudah membuat serbuan, pengusaha rumah urut tidak pernah serik untuk kembali menjalankan perniagaan mereka.

Kosmo 9/4/12 MS 31.



KONDOM yang ditemui di rumah urut menjadi bukti, ia sebenarnya menawarkan khidmat seks.

◀ mereka berikan.” Dengan bertopengkan pusat refleksologi dan spa, jumlah rumah urut di negara ini ternyata semakin meningkat dari sehari ke sehari.

Walaupun serbuan demi serbuan dilakukan pihak berkuasa dalam menangani kegiatannya, usaha tersebut seolah-olah tidak berkesan.

Inilah realiti yang ditemui

sambil teragak-agak bertutur dalam bahasa Inggeris memberitahu, gadis urut di tempat dia bekerja menawarkan khidmat seks sepenuhnya.

“Setiap pelanggan yang datang pasti akan ditawarkan gadis cantik dari China untuk berseronok.

Setiap layanan pelanggan akan dikenakan bayaran RM150.

Selain itu, operasi maksiat yang dilakukan pusat urut juga semakin canggih kerana ia melibatkan Internet dan teknologi komunikasi yang semakin berkembang.

“Pusat urut berahi yang menawarkan khidmat layanan istimewa selalunya mempunyai pengikut dan kelompok penggemarnya yang tersendiri,” katanya.



RUMAH urut di Lembah Klang tumbuh bak cendawan selepas hujan dengan bertopengkan pusat refleksologi.

dalam tinjauan di beberapa kawasan termasuk di Ampang, Pandan, Puchong, Kuchai Lama, Subang Jaya, Petaling Jaya, Shah Alam dan Damansara bagi membongkar kisah di sebalik rumah urut.

Paling mengejutkan, kebanyakan gadis urut majoritinya terdiri daripada warga asing terutamanya dari China, Indonesia, Filipina dan Thailand.

Rata-ratanya pula apabila diajak berbual, tidak mampu bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik.

Pelbagai medium iklan

Seorang gadis urut warga China, Chin Chin, 28, ketika ditemui di sekitar Jalan Pudu

Kalau pelanggan tetap akan ada diskaun," katanya.

Jelas gadis itu lagi, setiap gadis di pusat urut tersebut terdiri dalam kalangan gadis China, tetapi pelanggan yang kerap datang ke pusat urut itu terdiri daripada pelbagai bangsa.

"Saya biasa beri servis orang Cina, Melayu dan India. Kebanyakan pelanggan yang datang ke pusat urut ini merupakan orang Cina," ujarnya.

Seorang pelanggan, Steven Wong, 30, mendedahkan bahawa aktiviti maksiat pusat urut kini semakin canggih dan mempunyai lesen perniagaan yang sah bagi mengaburi mata penguat kuasa.

Kata Steven, modus operandi pusat urut berahi dapat dilihat dilakukan daripada pelbagai cara dan sudut. Bermula dalam alam maya sehingga ke dalam tandas awam pasti akan kelihatan iklan pusat urut berahi itu.

"Di Internet dengan sekali klik, kita dengan mudah akan berjumpa laman web, blog, laman sosial dan forum sosial yang berkaitan khidmat urut berahi serta aktiviti pelacuran," katanya.

Persoalannya kenapa keadaan itu berlaku. Jelas Steven, ia terjadi kerana terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan lelaki yang kemaruk layanan istimewa gadis urut tersebut.



Urut suka-suka gadis China

SEMENTARA itu, hasil siasatan wartawan *Urban* selama seminggu melibatkan hampir 20 pusat urut komersial mendapati, gadis-gadis urut di Lembah Klang langsung tidak terlatih.

Mereka bukannya pakar urut sama ada dari sudut tradisional mahupun terapi moden.

Sebaliknya, ribuan gadis muda berdahi licin terlibat melayan dengan sekurang-kurangnya 10 orang atau antara 15 dan 25 orang di setiap pusat urut, dieksploitasi oleh majikan mereka.

Kehadiran mereka di pusat-pusat urut di Lembah Klang telah menukar daya tarikan pusat itu daripada pelanggan mencari servis urut kepada mengharap keghairahan bermesra dengan gadis-gadis urut.

Sebagai gadis urut berahi, tugas me-

reka sekadar melayan pelanggan yang hanya semata-mata mahu berurut untuk seronok.

Seorang penyelia pusat urut berahi, Ah Wong sekitar 50-an berkata, sebelum ini pusat urut tempat dia bekerja menawarkan khidmat urut tradisional.

Namun selepas dua tahun beroperasi, pemilik pusat urut tersebut mula merubah modus operandi pusat urut itu kepada pusat urut berahi dan khidmat seks.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan. Ditambah pula dengan promosi yang dilakukan setiap bulan oleh pemilik pusat urut ini.

"Setiap kali promosi diskaun tiba semakin ramai pelanggan yang datang ke pusat urut ini untuk berseronok,"

katanya kepada wartawan *Urban* yang menyamar sebagai pelanggan.

Katanya lagi, setiap tahun pasti akan ada gadis urut baharu yang dibawa khas dari China untuk bekerja di sini.

Kadang-kadang ada juga gadis dari Thailand yang transit di pusat urut itu untuk beberapa bulan sebelum dipindahkan ke tempat lain.

Bukan itu sahaja, hasil daripada perbualan dengan pengurus pusat urut tersebut, ia turut membuka kira-kira empat buah cawangan lagi yang menjalankan kegiatan sama di beberapa



RAMAI gadis tukang urut dicekup polis merupakan pendatang dari China yang mengambil kesempatan daripada lubang mewah industri pelacuran di Malaysia.

kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

Malah, setiap pusat urut itu beroperasi dengan menggunakan nama pusat refleksologi.